

09/10/1998

Rakyat Sarawak sokong penuh Kerajaan Pusat

KUCHING, Khamis - Rakyat Sarawak berdiri teguh serta menyokong penuh kerajaan Pusat, khususnya pucuk kepimpinan negara dalam merangka tindakan menangani permasalahan masa ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata keyakinan rakyat Sarawak terhadap pucuk kepimpinan negara dalam menangani setiap permasalahan tidak pernah berkurangan, sebaliknya semakin mantap.

Beliau berkata, rakyat negeri ini berpegang teguh kepada slogan 'Malaysia Boleh' yang mana sebelum ini berjaya menjadikan penduduk negara ini berani menempuh cabaran dan dugaan.

"Kita turut merasa duka kerana dalam kita mengecap kejayaan, muncul permasalahan akibat daripada luar dan dalam negara.

"Namun kita di Sarawak tetap yakin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengatasi permasalahan itu untuk kepentingan rakyat," katanya berucap di majlis perasmian Sekolah Rendah Bantuan Chung Hua No. 6, di sini, kelmarin.

Perasmian sekolah itu dilakukan oleh Perdana Menteri sempena lawatan singkat beliau ke negeri ini, kelmarin.

Taib berkata, Dr Mahathir adalah pemimpin yang gigih dan tidak pernah berganjak atau berpatah kebelakang dalam menghadapi sesuatu cabaran dan permasalahan seperti ekonomi, sosial dan politik.

(END)